



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/42/2023

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kod bidang **GRE D G2 KATEGORI CE, PENGKHUSUSAN CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)**, yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

KERJA-KERJA MEMASANG INVISIBLE GRILL DI KUARTERS PANGSAPURI HARMONI, KUARTERS NEGERI PULAU PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : 27 September 2023 (Rabu)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Auditorium A, Paras 5 KOMTAR
Kehadiran : Pemilik Syarikat Sahaja (Wakil tidak dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah (dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat) semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan urusetia.

- i) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB);**
- ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB);**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB); dan**
- iv) Cop Syarikat**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga RM10.00 secara atas talian dan dimuat turun melalui sysP mulai **28 September 2023 (Khamis)**. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sysP serta menghadiri taklimat/lawatan tapak sahaja boleh membeli dokumen sebut harga.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 4 Oktober 2023 (Rabu) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang